

GARIS PANDUAN  
ANUGERAH

 **idea!**  
**inovasi**



Satu Inisiatif Di Bawah




## LATAR BELAKANG

Anugerah ini mula diperkenalkan pada Tahun 2011 berdasarkan kepada keputusan Mesyuarat Pasukan Petugas Inovasi (PPI) JPA Bil. 1/2011 untuk menyemai sikap suka berfikir dan penjanaan idea di kalangan warga JPA ke arah menambah baik perkhidmatan dan penyampaian perkhidmatan.

Anugerah ini adalah merupakan penghargaan dan pengiktirafan yang diberikan kepada warga JPA yang menyumbangkan idea dan inovasi yang kreatif untuk menambah baik perkhidmatan serta penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

Anugerah ini adalah sebahagian daripada aktiviti di bawah inisiatif Cabaran Inovasi Sumber Manusia (*HR Innovation Challenge*) yang juga merupakan salah satu program utama di bawah Program Kualiti dan Inovasi Tahunan JPA.

## TUJUAN




Memberi pengiktirafan secara formal kepada warga yang mengemukakan cadangan idea inovasi untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan Jabatan.

Memupuk dan menyemarakkan budaya kreatif dan inovatif dalam cara kerja yang diamalkan oleh warga.

Menyumbang kepada peningkatan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

## KRITERIA PENILAIAN



## SYARAT PENYERTAAN & TATACARA PEMILIHAN

Penyertaan adalah terbuka kepada semua warga JPA.

Penyertaan terbuka sepanjang tahun. Pemilihan diadakan dalam dua peringkat iaitu, peringkat saringan yang diadakan dua (2) bulan sekali dan peringkat pemilihan akhir akan diadakan pada hujung tahun.

Setiap cadangan idea inovasi yang dikemukakan perlulah idea yang asli, belum pernah dilaksanakan oleh jabatan dan boleh dilaksanakan pada keadaan semasa. Idea dan cadangan juga perlu realistik dan tidak melibatkan kos yang tinggi.

Keutamaan diberikan kepada idea inovasi dalam pengurusan sumber manusia.

Penyertaan yang layak ke peringkat akhir perlu membuat pembentangan kepada panel pemilihan berkenaan idea yang dicadangkan.

Idea yang paling kreatif, inovatif serta memenuhi keperluan kriteria layak dipertimbang untuk menerima anugerah ini.

## PENYERTAAN

Cadangan idea inovasi boleh disalurkan kepada urus setia dengan menggunakan format seperti dilampirkan dan emelkan kepada:



[q.bkp@jpa.gov.my](mailto:q.bkp@jpa.gov.my)

## HADIAH

- Piala Pusingan
- Wang Tunai RM 500.00
- Sijil Penghargaan

1

- Wang Tunai RM 300.00
- Sijil Penghargaan

2

- Wang Tunai RM 200.00
- Sijil Penghargaan

3

Pemenang Pemilihan  
Dwi Bulanan

- RM 100.00
- Sijil Penghargaan

## URUSETIA



Urusetia Anugerah Idea Inovasi JPA,  
Sektor Pengurusan Inovasi,  
Bahagian Khidmat Pengurusan,  
Aras 9, Blok C1, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62510 PUTRAJAYA

03 8885 3036/3776/3132/3119/3122

[q.bkp@jpa.gov.my](mailto:q.bkp@jpa.gov.my)



Satu Inisiatif Di Bawah

